



MEMO

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA

Ruj Fail : JTM/HQ/100-1/1/1 Jld. 10 (39)

Tarikh : 19 Januari 2019

PERKARA :	PERINGATAN – KOD ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM DI JABATAN TENAGA MANUSIA	
DARIPADA :	TKP, JTM	Salinan : - YBhg. Datuk KP
KEPADA :	SEMUA WARGA JTM	

YBrs. Dr/Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya menarik perhatian YBrs Dr/Tuan/Puan mengenai kod etika berpakaian, selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam) dan juga Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 .


3. Adalah diperhatikan bahawa sejak kebelakangan ini etika berpakaian ke pejabat oleh pegawai-pegawai JTM, baik di Ibu Pejabat mahupun di ILJTM tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sepertimana YBrs Dr/Tuan/Puan sedia maklum bahawa cara berpakaian melambangkan keperibadian penjawat awam serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada penjawat awam. Peraturan berpakaian semasa bertugas di pejabat yang perlu dipatuhi oleh setiap penjawat awam adalah seperti di **Lampiran A** dan contoh berpakaian di **Lampiran B**.

4. Walau bagaimanapun, dasar baru kerajaan bagi pemakaian ***Two/Three – Piece Pant Suit*** bagi pegawai awam wanita semasa bekerja **telah dibenarkan** melalui **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013** bersesuaian dengan kepelbagaian bidang yang diceburi oleh kaum wanita dalam perkhidmatan awam ketika ini.

5. Sehubungan itu, pihak YBrs. Dr/Tuan/Puan adalah diminta memastikan pematuhan kod etika berpakaian penjawat awam sepertimana dikehendaki selaras dengan Pekeliling-Pekeliling yang berkuatkuasa adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih..

Sekian.

'Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara'



(HJ ZAIHAN BIN SHUKRI)

☎ : 03-88865438

✉ : zaihan@mohr.gov.my

LAMPIRAN A

PERATURAN BERPAKAIAN

1. Penjawat Awam Lelaki

- a) Bagi Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Pelaksana 1 Gred 29 ke atas :
 - Seluar panjang serta baju kemeja berlengan panjang dan bertali leher. Lengan baju tidak boleh dilipat.
 - *Lounge Suite* atau *bush jacket* dengan bahan kain yang sesuai.
- b) Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pelaksana 1 Gred 1 – 26
 - Seluar panjang beserta baju kemeja dengan warna sesuai, baju hendaklah dimasukkan ke dalam; jika baju tersebut berlengan panjang; tangan baju tidak boleh dilipat.
 - Pemakaian baju batik pada setiap Khamis (Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008).
 - Pakaian baju melayu lengkap dengan bersamping dan bersongkok warna gelap dipakai pada hari Jumaat.
 - Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya.

2. Pakaian Penjawat Awam Wanita

- a) Pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan dipakai selari dengan amalan akhlak yang mulia. Pakaian yang dibenarkan adalah Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa kerja seperti berikut :
 - Baju kurung.
 - Baju kebaya labuh dan longgar.
 - Sari yang tidak mendedahkan Bahagian badan.
 - Sut Punjabi lengkap berselendang.
 - Kemeja berlengan panjang dan berskirt labuh.
 - Kasut bertutup.

3. Pakaian Seragam / Baju Korporat (Lelaki dan Wanita)

- a) Pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam wajib memakainya semasa bekerja.
- b) Pegawai awam yang dibekalkan Baju Korporat Jabatan adalah dibenarkan memakainya di pejabat.

4. Pakaian Batik (Lelaki dan Wanita)

- a) Pegawai-pegawai awam yang tidak menggunakan pakaian seragam diwajibkan memakai baju batik lengan panjang berkolar/cekak musang buatan Malaysia pada setiap hari Khamis dan juga semasa menghadiri majlis-majlis rasmi yang mensyaratkan pemakaian jenis pakaian tertentu. Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain. Ini selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008.

5. Pakaian yang Tidak Dibenarkan Bagi Penjawat Awam Lelaki

- Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat).
- Memakai t-shirt, seluar pendek atau jenas pada waktu pejabat.
- Memakai tali leher jika baju berlengan pendek, kecuali uniform.
- Memakai baju melayu yang tidak lengkap pada hari Jumaat (tanpa songkok dan samping atau memakai kain pelekak).
- Memakai baju yang melambangkan parti politik atau syarikat perniagaan.
- Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- Melipat lengan baju kemeja berlengan panjang.

6. Pakaian yang Tidak Dibenarkan Bagi Penjawat Awam Wanita

- Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau ketat)
- Memakai *t-shirt*, seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat.
- Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- Memakai barang hiasan yang berlebihan.
- Berpakaian yang memberi sangkaan ianya seolah-olah hendak menghadiri pesta ataupun ke tempat perkelahan.
- Memakai *skirt* pendek.
- Pakaian yang menutup mula.
- Memakai seluar *slacks* kecuali uniform.

ETIKA PAKAIAN PENJAWAT AWAM



<http://fuziahmahdz.blogspot.com/>

Two Piece Suit Pants

Three Piece Suit Pants

